



KEMENTERIAN KERJA RAYA

**TEKS UCAPAN
YANG BERTAMBAH MUTU
MENTERI KANAN KERJA RAYA**

**SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN FASA PERTAMA PEMBUKAAN LEBUHRAYA
BERTINGKAT SUNGAI BESI-ULU KELANG (SUKE)**

PADA 15 SEPTEMBER 2022

Bismillahirrahmannirahim

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SubhanahuwaTa'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, kita diberi kesejahteraan dan kesempatan untuk bersama-sama menghadiri **Majlis Pelancaran Fasa Pertama Pembukaan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE)**, pada hari ini.
2. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd. (PROLINTAS) kerana mengundang saya untuk menyempurnakan majlis pelancaran pada hari ini. Jutaan terima kasih juga kepada urusetia dan seluruh pasukan yang terlibat dalam projek ini, serta semua yang sudi hadir pada malam ini.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

3. Kementerian Kerja Raya memainkan peranan utama sebagai peneraju pembangunan infrastruktur dan industri pembinaan negara. Ini termasuk membentuk rangkaian lebuhraya yang memberi manfaat kepada rakyat, di samping menyokong perkembangan ekonomi serta pembangunan yang holistik dan mampan kepada negara.
4. Dengan peningkatan jumlah kenderaan di sekitar Lembah Klang saban tahun, rangkaian jalan dan lebuhraya sedia ada semestinya menjadi lebih sesak. Justeru, wujud keperluan untuk membina lebih banyak jalan dan lebuhraya alternatif, serta pembangunan lebuhraya-lebuhraya bertingkat seperti SUKE untuk menyuraikan trafik khususnya di kawasan dengan kapasiti penduduk tinggi.
5. Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi Ulu-Kelang atau lebih dikenali sebagai SUKE ini adalah lebuhraya tiga lorong dua hala yang dibina dengan kos bernilai RM5.7 bilion. Jajaran utamanya adalah sepanjang 24.4 kilometer melibatkan 14 persimpangan, 1 Kawasan Rehat dan Rawat serta dua hentian sebelah.

6. Lebuhraya SUKE akan menjadi **lebuhraya alternatif utama kepada salah satu laluan paling sesak di Lembah Klang iaitu Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2)** dan dijangka **mampu menyuraikan trafik untuk beberapa lokasi strategik iaitu di sepanjang MRR2, Jalan Ampang dan Jalan Loke Yew sehingga 36% pada waktu puncak.** Masa perjalanan juga dijangka mampu dijimatkan kepada 25 minit berbanding 75 minit menerusi laluan sedia ada.
7. SUKE menghubungkan beberapa rangkaian lebuhraya di Lembah Klang seperti Lebuhraya Shah-Alam (KESAS), Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban (KL-Seremban), Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA), Lebuhraya Cheras-Kajang (CKE), MRR2, Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH) dan Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (DUKE) serta Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) yang masih dalam pembinaan.
8. Kerajaan komited dalam menangani isu kepadatan trafik di ibu negara bagi memastikan kesejahteraan Keluarga Malaysia yang bekerja dan tinggal di sekitar Lembah Klang, menerusi manfaat perjalanan lebih singkat dan pengurangan kadar pelepasan karbon. Kesiapsiagaan dan pembukaan SUKE akan membawa impak signifikan terhadap usaha untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dan menambah baik arus trafik, khususnya untuk bahagian timur Kuala Lumpur.
9. Pembinaan dan pembukaan rangkaian lebuhraya di negara ini merupakan keperluan untuk menggerakkan nadi pembangunan ekonomi dan infrastruktur negara. Justeru, Kementerian menyokong usaha PROLINTAS dan anak syarikatnya Projek Lintasan Sungai Besi-Ulu Kelang Sdn Bhd merealisasikan hasrat kerajaan ini. Dedikasi dan komitmen yang berterusan daripada pihak syarikat dalam membantu pembangunan infrastruktur negara membuktikan keberkesanan projek Perkongsian Awam Swasta atau Public Private Partnership (PPP) di antara pihak PROLINTAS dengan kerajaan.
10. SUKE adalah satu daripada 53 projek berimpak tinggi di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang bermatlamat untuk mencipta pekerjaan,

menjana limpahan perniagaan dan merangsang serta mencipta aktiviti-aktiviti ekonomi lebih besar.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

11. Projek ini juga telah mencatatkan pencapaian membanggakan apabila dua ciri uniknya telah berjaya mendapat tempat dalam *Malaysia Book of Records* iaitu:

- a) Tanjakan ikonik 'helikoidal' pertama di Malaysia berbentuk lingkaran dua tingkat
- b) Jejambat Galang Kekotak Bersegmen (SBG) tertinggi berukuran 56.4 meter daripada paras tanah yang melintasi di atas Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang dan Lebuhraya Cheras-Kajang (CKE)

Ciri unik tanjakan 'helikodal' itu juga menerima pengiktirafan untuk Reka Bentuk Lebuhraya Dinamik oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) pada tahun lalu. Tahniah atas pencapaian pihak syarikat yang berupaya mencipta kejayaan yang membanggakan dengan penggunaan teknologi kejuruteraan dalam pembinaan lebuhraya tempatan.

12. Fasa pertama Lebuhraya Sungai Besi Ulu-Kelang (SUKE) melibatkan jajaran sepanjang 16.6 kilometer bermula dari Persimpangan Cheras-Kajang dan berakhir di Persimpangan Bukit Antarabangsa. Ia melibatkan dua tol plaza iaitu Plaza Tol Bukit Teratai dan Plaza Tol Ampang serta 11 persimpangan keluar dan masuk. Pada masa sama, pengguna juga masih boleh memilih untuk menggunakan laluan alternatif tanpa tol sedia ada iaitu Jalan Loke Yew untuk ke Pusat Bandar / Segambut / Selayang dan menggunakan MRR2 bagi destinasi ke Pusat Bandar / Gombak dan ke Pantai Timur.

13. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam pembinaan lebuhraya ini sama ada agensi kerajaan mahupun swasta iaitu :

- i) Kementerian Kerja Raya (KKR);
- ii) Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM);
- iii) Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM);
- iii) Jabatan Kerja Raya (JKR);
- iv) Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ);
- v) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);
- v) Kementerian / Agensi Kerajaan yang lain;
- vi) PROLINTAS;
- vii) Juru perunding dan kontraktor-kontraktor yang terlibat.

14. Mengambil semangat Keluarga Malaysia dan sambutan Hari Malaysia 2022, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya mengumumkan pembukaan fasa pertama Lebuhraya Sungai Besi Ulu-Kelang (SUKE) melibatkan jajaran sepanjang 16.6 kilometer bermula dari Persimpangan Cheras-Kajang dan berakhir di Persimpangan Bukit Antarabangsa, secara rasmi kepada pengguna. Saya juga ingin mengumumkan bahawa tol diberikan secara percuma selama sebulan, bermula jam 12 tengahari, 16 September 2022.

15. Pengguna yang bakal menggunakan laluan lebuhraya alternatif ini diharap mematuhi peraturan yang ditetapkan serta memandu secara berhemah. Syarikat konsesi diingatkan agar mengambil langkah-langkah proaktif bagi memastikan tahap perkhidmatan dan operasi yang terbaik diberikan kepada pengguna sambil mematuhi perjanjian konsesi.

16. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikumwarahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.